

Praktis Formatif

Bidang Sejarah dan Apresiasi Seni Visual

1. Namakan jenis-jenis pakaian tradisional dan perhiasan diri berikut. TP1

Capal

Dokoh

Gelang tangan

Rupia

Buah pauh

Sigal

Cucuk sanggul

Sugu tinggi

Gelang kaki

Sia

Sandai

Samping



(a)



(b)



(c)



(d)



(e)



(f)



(g)



(h)



(i)



(j)



(k)



(l)

2 Padankan pakaian tradisional dan perhiasan diri berikut dengan pernyataan yang benar. TP2

Ketapu

Digubah daripada sebidang kain persegi yang dilipat, disusun, dibentuk dan diolah dengan pelbagai gaya.

Doti

Berfungsi sebagai ikat kepala yang lazimnya daripada kain kasa berbunga atau kain polos motif batik.

Gendik

Merupakan sehelai kain panjang yang dipakai secara melilit di pinggang menggunakan teknik ikatan tertentu.

Semutar

Hiasan kepala diperbuat daripada bulu burung kenyalang atau bulu burung ruai.

Tengkolok

Kepala tali pinggang bagi golongan lelaki atau wanita yang digayakan dengan sarung atau sampung.

Ceongsam

Baju yang berbelah di bahagian hadapan dikemaskan dengan pemakaian kerongsang ibu dan anak tiga sejajar.

Baju kebaya

Perhiasan yang dipakai pada bahagian dahi yang turut dikenali sebagai pemanis dahi.

Baju sikap

Perhiasan diri yang dikalungkan di dada sebagai pelengkap gaya.

Pending

Berleher cekak musang dengan pemakaian satu butang.

Dokoh

Mempunyai potongan labuh atau singkat berkeruk di sisi serta berbelah tepi.

Soalan Struktur

Isi tempat kosong dengan jawapan yang tepat.

- 1 Pakaian merupakan sebahagian daripada _____ yang menampilkan aspek kepelbagaian potongan dan gaya.
- 2 Pakaian mempunyai _____ yang secara simboliknya terkandung falsafah dan _____.
- 3 Pakaian tradisional dan perhiasan diri merupakan aspek yang dapat menyerlahkan perbezaan _____.
- 4 Pemakaian pakaian tradisional dan perhiasan diri bagi sesuatu kaum dan etnik semasa _____ atau acara tertentu mencerminkan _____ dan _____ pemakainya.
- 5 Pakaian daripada aspek tersiratnya mencerminkan _____ dan _____ masyarakat pemiliknya.
- 6 Dalam tradisi budaya pula, pakaian dikaitkan dengan upacara dan _____.
- 7 Pakaian tradisional dan perhiasan diri menjadi _____ warisan kebangsaan.
- 8 Ragam hias yang menyerlahkan perhiasan diri pelbagai kaum dan etnik di Malaysia diinspirasi daripada _____.
- 9 Motif perhiasan diri pelbagai kaum dan etnik di Malaysia berunsurkan flora, fauna, _____ serta motif _____ dan _____ yang diolah secara sederhana.

cerminan identiti

organik

nilai estetik

ketinggian budaya

adab

identiti budaya

perilaku

budaya benda

alam semula jadi

geometri

hari perayaan

kosmos

makna

tatasusila

adat istiadat